

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
- DARIPADA** : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]
- TARIKH** : 21 MEI 2015 (KHAMIS)
- SOALAN** : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah perancangan Kementerian untuk menggalakkan pengusaha akuakultur untuk mendapatkan pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) di mana pemilikan sijil ini akan membolehkan produk mereka dieksport ke ASEAN selaras dengan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

MyGAP (Malaysian Good Agricultural Practices) adalah skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor tanaman, akuakultur dan ternakan. MyGAP dilaksanakan berdasarkan piawaian *Malaysian Standard (MS). Good Agricultural Practice (GAP)* atau Amalan Pertanian Baik adalah amalan pertanian yang menekankan aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial untuk memastikan produk yang dihasilkan selamat dan berkualiti. Persijilan ini merupakan satu langkah untuk

menghasilkan produk perikanan tempatan yang berkualiti dan selamat selaras dengan keperluan standard peringkat serantau apabila Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dilaksanakan pada akhir tahun 2015.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah dan sedang melaksanakan beberapa aktiviti dan perancangan dalam menggalakkan pengusaha akuakultur untuk mendapatkan pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP):

- i. program *capacity building* bagi membimbing dan mendedahkan penternak dan pegawai di lapangan berkaitan pensijilan MyGAP; dan
- ii. program promosi dan kesedaran MyGAP kepada pengguna, penternak dan orang awam.

Sehingga bulan Mei tahun 2015, sebanyak 127 buah ladang/premis akuakultur telah dipersijilkan dengan MyGAP. Daripada jumlah tersebut, 37 buah ladang/premis akuakultur telah berjaya mengeksport produk hasil ladang mereka ke negara-negara ASEAN disamping lain-lain negara seperti Eropah, Australia dan Jepun. Ini adalah selaras dengan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang akan dikuatkuasakan pada akhir tahun 2015.